

Ucapan Y.B. Menteri Pelajaran, Enche Hussein Onn,
berkenaan dengan Anggaran Belanja Mengurus,
Tahun 1972, Kementerian Pelajaran di-Dewan
Ra'ayat pada 2/ hb. Januari, 1972.

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mohon menhadangkan supaya Anggaran Belanja Mengurus sa-banyak \$606,508,081 bagi Kementerian Pelajaran di-bawah Kepala Bekalan yang berikut menjadi sebahagian daripada jadual:-

- (i) Malaysia Barat - Kepala Bekalan 18 sa-banyak \$545,460,431 ia-itu \$49,531,721 untok Gaji dan Lain2 Perbelanjaan seperti Perkhidmatan dan Bekalan dan Pembelian Harta Modal, dan \$495,927,710 untok Pemberian dan Bayaran Tetap.
- (ii) Malaysia Timor - Kepala Bekalan 19 sa-banyak \$61,047,650 ia-itu \$28,966,530 untok Gaji dan Lain2 Perbelanjaan seperti Perkhidmatan dan Bekalan dan Pembelian Harta Modal, dan \$32,081,120 untok Pemberian dan Bayaran Tetap.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Jumlah sa-banyak \$606.5 juta ini melebehi peruntokan tahun 1971 sa-banyak \$78.2 juta. Peruntokan Belanja Mengurus ini ada-lah di-bahagi2kan mengikut aktiviti2 seperti Pentadbiran Am, Pelajaran Rendah dan Menengah, Latehan Guru, Pengurusan Pepereksaan, Pelajaran Menengah Atas/Tinggi, Biasiswa/Dermasiswa/ Hadiah Bantuan Latehan, Kebajikan Penuntut2 di-Luar Negeri, dan Perkhidmatan Am dan Pelajaran Daerah.

3. Jumlah peruntokan yang bertambah ini tidak dapat di-elakkan di-sebabkan oleh beberapa faktor seperti bertambahnya bilangan murid2 dari sa-tahun ka-setahun, kenaikan gaji tahunan biasa bagi guru2 dan kakitangan sekolah, bertambahnya bilangan guru2 terlatah yang mempunyai Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Persekolahan Seberang Laut dengan tangga gaji yang lebeh tinggi berbanding dengan guru2 sementara yang digantikan oleh mereka itu. Sa-lain dari itu, tambahan kepada belanjawan pelajaran ini ada-lah perlu untok menjalankan langkah2 menuju kepada matalamat hendak:

- (i) mengukuhkan sistem Pelajaran Kebangsaan sa-bagai alat menchapai perpaduan kebangsaan;
- (ii) mengembang dan menyesuaikan ranchangan2 pelajaran dan latehan untok memenohi keperluan2 negara dari segi mengeluarkan tenaga manusia yang terlatah;

- (iii) meninggikan mutu pelajaran untuk mewujudkan satu masyarakat yang maju dan berlandaskan kepada sains dan teknologi; dan
- (iv) memperbaiki chara2 pengajian, peranchangan dan perlaksanaan untuk menchapai matalamat2 yang tersebut itu.

Tuan Yang di-Pertua,

4. Sekarang izinkan saya menyentoh sedikit sa-banyak tentang sa-tengah2 kejayaan yang telah di-chapai dalam tahun 1971 dan ranchangan2 yang akan di-laksanakan oleh Kementerian saya pada tahun 1972 ini. Dalam memperkatakan-nya saya tidaklah bermaksud hendak menerangkan dengan panjang lebar dan satu persatu mengenai butir2 di-dalam Anggaran ini.

A Pentadbiran 'Am - \$15,609,709

5. Peruntokan sa-banyak \$15.6 juta ada-lah di-pohonkan untuk meneruskan aktiviti2 Pentadbiran 'Am. Termasok dalam aktiviti2 ini ia-lah tugas2 berkaitan dengan kewangan, perkhidmatan dan perjawatan, peranchang dan penyelidekan, biasiswa dan latehan, pemereksaan dan sa-bagai-nya. Peruntokan ini akan di-bahagi2kan kepada 12 Bahagian di-Ibu Pejabat Kementerian Pelajaran dan 13 Pejabat Pelajaran Negeri termasuklah Pejabat2 Pelajaran di-Malaysia Timor.

B Pelajaran Rendah dan Menengah - \$479,856,370 Malaysia Barat

6. Berhubong dengan Pelajaran Rendah dan Menengah di-Malaysia Barat, peruntokan sa-banyak \$425.9 juta bagi tahun 1972 ada-lah merupakan peruntokan yang terbesar sekali di-antara aktiviti2 Kementerian Pelajaran. Ia juga melebihi sa-banyak \$57.6 juta daripada peruntokan bagi tahun 1971. Ini ada-lah kerana bilangan murid2 di-sekolah2 di-Malaysia Barat di-anggarkan akan bertambah dari 1,977,456 pada tahun 1971 kepada 2,096,372 dalam tahun 1972, ia-itu bertambah sa-ramai 118,916 murid.

7. Satu projek baru dan penting ia-lah untuk mendirikan 10 buah Sekolah Menengah Sains yang berasrama. Sekolah2 ini akan menambahkan lagi bilangan murid2 Bumiputra dari luar bandar dalam jurusan sains dan teknologi. Sa-lain dari projek ini, asrama2 biasa akan di-bena lagi untuk murid2 sekolah menengah dari kawasan2 yang jauh. Sekarang ini ada 139 buah asrama seperti itu yang di-dudoki oleh sa-jumlah 13,700 murid.

8. 5 buah Sekolah Menengah Teknik dan 6 buah Sekolah Menengah Vokeshenal sedang di-bena sejajar dengan dasar menitekberatkan pelajaran teknik dan vokeshenal. Ada-lah di-anggarkan bilangan murid2 dalam Sekolah2 Menengah Teknik dan Sekolah2 Menengah Vokeshenal akan bertambah dari 5,900 pada tahun 1971 kepada 7,690 orang dalam tahun 1972.

9. Kementerian saya sentiasa memberi perhatian khas terhadap pengajian dan pelajaran sains dan ilmu hisab di-sekolah2. Usaha2 termasuklah pembenaan sa-buah Pusat Pelajaran Sains di-Kuala Lumpur, membena lebeh banyak lagi makmal2 sains, menambahkan peruntokan ka-sekolah2 untuk

membeli alat2 sains, menambahkan lagi bilangan kelas2 sains tulin di-sekolah2 menengah, mengulang-kaji sukatan pelajaran, dan mengadakan kursus2 dalam perkhidmatan untok guru2.

10. Satu lagi usaha untok memajukan pelajaran di-luar bandar ia-lah dengan mengadakan Ranchangan Kesihatan dan Makanan dengan tujuan hendak meninggikan taraf kesihatan murid2 di-luar bandar. Kementerian saya ada-lah bekerjasama dengan Kementerian Kesihatan dalam ranchangan ini.

11. Satu lagi ranchangan yang termasuk dalam aktiviti ini ia-lah Ranchangan Sebaran 'Am Pendidekan yang meliputi Ranchangan Siaran Radio ka-Sekolah2, Ranchangan Pelajaran Alat Pandang Dengar dan Ranchangan Pendidekan menerusi Talivishen (ETV). Ranchangan E.T.V. di-harapkan dapat di-mulakan pada bulan Jun, 1972. Ranchangan2 ini merupakan satu chara untok memperbaiki dan meninggikan mutu pelajaran di-sekolah2 kita.

Tuan Yang di-Pertua,

Malaysia Timor

12. Berhubung dengan Malaysia Timor pula peruntokan di-bawah aktiviti ini ia-itu Pelajaran Rendah dan Menengah ada-lah sa-banyak \$53.9 juta. Ini tidak termasuk baki peruntokan sa-banyak \$3.2 juta daripada Kumpulan Wang Pelajaran Pusat (Central Education Fund) yang juga di-benarkan untok di-belanjakan. Jumlah ini ada-lah melebehi sa-banyak \$5.1 juta daripada peruntokan tahun lalu. Saperti di-Malaysia Barat, tambahan peruntokan ini ada-lah di-perlukan untok menampung keperluan bilangan murid2 yang bertambah, membayar gaji guru2 yang bertambah bilangannya dan juga untok menyediakan alat2 sekolah. Bilangan murid2 di-Malaysia Timor di-anggarkan akan bertambah dari 324,241 pada tahun 1971 kepada 338,865 murid dalam tahun 1972, ia-itu bertambah seramai 14,624 orang.

C Latehan Guru - \$18,817,845

Malaysia Barat

13. Peruntokan sa-banyak \$15.3 juta ada-lah di-kehendaki bagi ranchangan latehan guru di-Malaysia Barat. Ranchangan mengadakan guru2 untok memenohi keperluan2 sekolah2 telah di-laksanakan mengikut yang di-ranchangkan pada tahun lalu. Bilangan guru2 terlatah yang akan di-ambil pada tahun ini ada-lah kira2 1,020 bagi latehan perguruan rendah dan 1,066 bagi latehan perguruan menengah.

14. Sa-lain daripada mengeluarkan guru2 baru ranchangan2 latehan semula yang intensif bagi guru2 yang sedang berkhidmat akan di-teruskan.

Malaysia Timor

15. Di-bawah aktiviti Latehan Guru ini, peruntokan sa-banyak \$3.5 juta ada-lah di-pohonkan bagi Malaysia Timor. Peruntokan ini ada-lah untok bayaran gaji pensharah2 dan kakitangan Maktab2 Perguruan, perbelanjaan latehan dan penyenggaraan Asrama2 serta untok membeli alat2 kelengkapan. Bilangan guru2 yang sedang mengikuti latehan ia-lah 902 di-Sabah dan 660 di-Sarawak.

D. Pengurusan Peperiksaan - \$3,821,196

16. Peruntukan sa-banyak \$3.8 juta ada-lah di-pohonkan untuk pengurusan peperiksaan.

17. Dalam tahun 1971, 187,290 calon telah mengambil peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran dan L.C.E. Ada-lah dijangkakan bahawa calon2 yang akan mengambil peperiksaan2 ini akan bertambah kepada lebih kurang 197,000 orang pada tahun ini.

18. Bilangan calon2 yang telah mengambil peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia, MCE, Sijil Tinggi Persekolahan dan H.S.C. dalam tahun 1971 telah meningkat kepada satu angka yang tinggi ia-itu 121,041 berbanding dengan tahun 1970.

19. Jumlah murid2 yang telah mengambil peperiksaan Sijil Pelajaran Vokeshenal Malaysia dalam tahun 1971 ia-lah 1,700 dan bilangan yang di-jangka mengambil-nya pada tahun ini ia-lah lebih kurang 2,800 calon.

20. Lembaga Peperiksaan akan menguruskan bagi kali pertama-nya peperiksaan Sijil Perdagangan Malaysia pada akhir tahun ini dalam mata2 pelajaran perakaunan (accounting), simpan kira2 (book-keeping), trengkas dan menaip. Ada-lah di-jangkakan bahawa sa-ramai lebih kurang 1,000 orang calon akan mengambil peperiksaan ini samada menerusi sekolah2 atau sachara persendirian.

E Pelajaran Menengah Atas/Tinggi - \$64,959,560

Tuan Yang di-Pertua,

21. Di-dalam bidang pelajaran tinggi, peruntukan sa-banyak \$64.9 juta ada-lah di-kehendaki. Peruntukan ini ia-lah untuk keperluan belanja mengurus bagi semua yayasan2 pelajaran tinggi ia-itu Universiti Malaya termasuk Hospital Universiti, Universiti Kebangsaan, Universiti Pulau Pinang, Universiti Pertanian, Maktab Pertanian Serdang, Maktab Teknik, Kuala Lumpur dan Politeknik Ungku Omar, Ipoh.

22. Kemajuan2 yang boleh di-banggakan telah dapat dilihat semenjak beberapa tahun yang lepas dalam lapangan pelajaran tinggi. Pada hari ini Universiti Malaya mempunyai 8 Fakulti dan bilangan mahasiswa2-nya telah meningkat ka-jumlah 8,584. Universiti ini akan menumpukan usaha-nya lebih kepada mengadakan kursus2 ijazah lanjutan di-dalam Rancangan Malaysia Kedua.

23. Universiti di-Pulau Pinang akan mengeluarkan siswazah2-nya yang pertama pada akhir tahun akademik 1971/1972 ini. Universiti ini telah pun mempunyai kampus-nya sendiri di-Berek Minden. Pada masa ini ia-nya mempunyai 5 Pusat Pengajian dan rancangan-nya sekarang ada-lah untuk meluaskan lagi kemudahan2-nya serta menambahkan pengambilan penuntut2 pada tiap2 tahun. Pada tahun 1972 Universiti di-Pulau Pinang akan menubuhkan 2 buah lagi pusat pengajian ia-itu Pusat Pengajian Sains Gunaan (School of Applied Sciences) dan Pusat Sains Binaan dan Teknologi (School of Building Science and Technology). Dalam tahun akademik ini juga rancangan Pengajian Luar Kampus telah di-mulakan dengan paraserta sa-ramai 150 orang. Bilangan mahasiswa2 di-Universiti

ini sekarang ia-lah sa-ramai 757 orang dan di-jangka akan meningkat kepada lebih 1,000 orang dalam tahun akademik 1972/1973.

24. Universiti Kebangsaan pula sekarang mempunyai 3 Fakulti, dan bilangan fakulti2-nya akan di-tambahkan dari sa-masa ka-senasa. Ada-lah di-harapkan bahawa Fakulti Perubatan akan di-tubuhkan dalam tahun 1973, dan untuk menchapai matalamat ini beberapa orang kakitangan akan di-lantek dalam tahun ini untuk meranchang dan menyusun kerja2 berthabit dengannya. Satu Institut Pengajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Malaysia juga akan di-tubuhkan di-Universiti ini. Bilangan penuntut-nya sekarang ada-lah sa-ramai 570 dan ini di-jangka akan meningkat kepada 1,080 dalam tahun akademik akan datang. Tapak universiti ini telah pun di-pilih. Ianya ia-lah di-Bangi, dekat Kajang.

25. Kerajaan telah pun mengambil keputusan untuk menubuhkan Universiti Pertanian dengan chara menchantumkan Maktab Pertanian Serdang dengan Fakulti Pertanian Universiti Malaya. Kerja2 mengenai penubohan Universiti baru ini telah pun di-mulakan dan pengambilan mahasiswa2 pertama-nya akan di-jalankan mulai pada tahun 1973.

26. Sementara itu Maktab Pertanian Serdang akan terus memainkan peranan yang penting dengan mengeluarkan tenaga manusia yang terlatah dalam bidang pertanian di-Malaysia. Dalam tahun 1970 Maktab ini telah melatah sa-ramai 160 siswazah diploma, dan sa-ramai lebih kurang 320 siswazah diploma di-jangka akan dapat di-keluarkan pada tahun 1973. Dalam tahun 1971 bilangan penuntut2-nya ia-lah 780 dan pada tahun ini di-jangka meningkat kepada 980 orang penuntut2 kesemua-nya.

27. Bilangan penuntut Maktab Teknik, Kuala Lumpur ada-lah di-anggarkan akan bertambah dari 1,185 pada tahun 1971 kepada 1,280 orang dalam tahun 1972. Untuk mengatasi masa'alah kekurangan jurutera2 pada masa ini, maka suka-lah saya mengumumkan bahawa mulai pada tahun akademik 1972/1973 Maktab ini akan mengadakan Kursus Kejuruteraan dan Seni Bena (Architecture) di-perengkat Universiti.

28. Politeknik Ungku Omar di-Ipoh telah pun mengeluarkan kumpulan Siswazah2 Diploma yang pertama sa-ramai 202 orang pada tahun 1971. Dalam tahun 1972 bilangan penuntut-nya di-jangka seramai 1,000 orang.

F Biasiswa/Dermasiswa/Hadiah Bantuan Latehan - \$15,000,000

29. Satu perbekalan berjumlah \$15 juta ada-lah di-pohonkan bagi biasiswa2, dermasiswa2 dan hadiah2 bantuan latehan.

30. Dalam tahun 1972 hadiah biasiswa dan dermasiswa bagi pengajian ijazah di-Universiti2 tempatan dan di-luar negeri yang akan di-keluarkan ada-lah sa-banyak 624 bagi Kursus Ijazah Pertama, dan sa-banyak 374 bagi Kursus Ijazah Lanjutan termasuklah 361 untuk Diploma Pendidekan. Sa-ramai 17,991 murid akan menerima Biasiswa Kechil Persekutuan, dan 6,300 murid akan di-beri Biasiswa Kelas Persediaan Universiti pada tahun 1972. Bilangan biasiswa yang akan di-beri ada-lah sa-banyak 529 bagi penuntut2 Politeknik Ipoh, 26 bagi guru2 di-Maktab Pertanian Serdang, 30 bagi guru2 di-Maktab Teknik dan 100 biasiswa bagi penuntut2 permulaan di-Maktab Teknik.

G Kebajikan Penuntut2 di-Luar Negeri - \$2,822,242

Tuan Yang di-Pertua,

31. Peruntukan sa-banyak \$2.8 juta ada-lah di-pohonkan untok kebajikan penuntut2 di-luar negeri. Peruntukan ini ada-lah untok membiayai Jabatan2 Penuntut, Asrama2 dan Pusat2 Penuntut kita di-luar negeri.

32. Pada masa ini kita ada mempunyai 4 Jabatan Penuntut Malaysia ia-itu Jabatan Penuntut2 Malaysia di-London, Australia, Indonesia dan New Zealand. Asrama2 Penuntut di-luar negeri ada-lah sa-banyak 4 buah ia-itu Dewan2 Malaysia di-London, Dublin dan Belfast dan Asrama Penuntut2 Malaysia di-Kaherah. Jumlah Pusat Penuntut kesemua-nya ia-lah 28 manakala bilangan penuntut ada-lah seramai 24,000 orang.

H Perkhidmatan Am dan Pelajaran Daerah - \$5,621,159

33. Peruntukan sa-banyak \$5.6 juta ada-lah di-kehendaki untok perkhidmatan am dan pelajaran daerah. Daripada jumlah peruntukan ini, Dewan Bahasa dan Pustaka memerlukan sa-banyak \$2.6 juta. Sa-bagaimana pada tahun2 lepas, sumbangan wang sechara bantuan sa-banyak \$3 juta akan juga di-beri kepada beberapa yayasan2 pelajaran dan kebudayaan di-luar negeri saperti Pertubohan Pelajaran Sains dan Kebudayaan Bangsa2 Bersatu (UNESCO), Pertubohan Menteri2 Pelajaran Tenggara Asia (SEAMEO) dan Lembaga Penyatuan Pusat SEAMEC bagi Terubatan Tropika dan Kesihatan 'Am. Pemberian bantuan ada-lah di-berikan juga kepada Pusat Wilayah bagi Pengajaran Sains dan Ilmu Hisab (RECSAM) di-Pulau Pinang dan Institut Wilayah bagi Pelajaran Tinggi dan Pembangunan di-Singapura, ia-itu masing2 sa-banyak \$757,500 dan \$35,757.

Tuan Yang di-Pertua,

34. Dengan keterangan2 yang telah di-sebutkan itu, saya pohon menhadangkan.





No Siri 85
No Penerimaan 85/80